

**PROSES PENCALONAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

**Urusan Pencalonan**

1. Urusan pemilihan calon anggota Lembaga koperasi hendaklah dikendalikan oleh:

- (a) Jawatankuasa Pencalonan (Jawatankuasa) yang dibentuk oleh Lembaga; atau
- (b) Lembaga.

**Jawatankuasa Pencalonan**

2. Lembaga hendaklah menetapkan komposisi Jawatankuasa dan menentukan bidang tugas mereka. Jawatankuasa bolehlah terdiri daripada pegawai, anggota atau perwakilan dan mana-mana orang yang dilantik oleh Lembaga.

3. Pengerusi Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada mana-mana anggota Lembaga, di mana pada setiap masa dan dalam semua hal adalah tertakluk kepada penyeliaan dan arahan Jawatankuasa dan hendaklah —

- (a) melaksanakan keputusan-keputusan Jawatankuasa;
- (b) menjalankan mana-mana tugas Jawatankuasa yang diwakilkan kepadanya oleh Jawatankuasa;

- (c) menandatangani bagi pihak Jawatankuasa segala notis, pengumuman dan sebarang dokumen yang dikeluarkan atas nama dan bagi pihak Jawatankuasa; dan
  - (d) mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
4. Jawatankuasa mempunyai tanggungjawab seperti berikut:
- (a) memastikan perkara-perkara berkaitan dengan pencalonan menurut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi, perintah, garis panduan dan undang-undang kecil koperasi;
  - (b) mengawal dan menyelia perjalanan pencalonan supaya pelaksanaannya teratur, adil dan saksama; dan
  - (c) mewakili apa-apa tanggungjawab dan tugasnya kepada mana-mana orang yang difikirkan perlu tertakluk kepada terma dan syarat atau sekatan yang ditentukan.
5. Dalam hal ketiadaan Jawatankuasa, Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan sebagaimana yang diberikan kepada Jawatankuasa tersebut.

### **Daftar Pemilih**

6. Daftar pemilih ialah senarai anggota yang mempunyai segala hak dan kewajipan sebagai seorang anggota sebagaimana yang terkandung di dalam undang-undang kecilnya. Mereka layak untuk hadir mesyuarat agung, mengundi dan menjadi calon anggota Lembaga koperasi.

7. Lembaga bertanggungjawab menyediakan daftar pemilih bagi –

**(a) Mesyuarat Agung Tahunan**

Daftar anggota hendaklah dijadikan sebagai asas dalam penyediaan daftar pemilih. Daftar pemilih hendaklah mengandungi butiran anggota sekurang-kurangnya seperti berikut –

- (i) nama anggota;
- (ii) nombor dan tarikh keanggotaan;
- (iii) nombor kad pengenalan; dan
- (iv) alamat surat-menyurat.

**(b) Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan**

Daftar perwakilan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya butiran seperti di para (a)(i) hingga (iv) termasuk nama wilayah atau kawasan yang diwakilinya.

8. Lembaga hendaklah menyerahkan daftar pemilih kepada Jawatankuasa bersama dengan notis dalam tempoh tidak kurang **dua (2) bulan** sebelum tarikh mesyuarat agung.

9. Anggota atau perwakilan tidak boleh disenaraikan dalam daftar pemilih jika –

- (a) tidak menjelaskan bayaran syer bagi perolehan hak yang ditentukan dalam undang-undang kecil koperasi;

- (b) tidak menjelaskan yuran bulanan bagi tiga bulan berturut-turut dalam tempoh **dua belas (12) bulan** sebelum tarikh penyediaan daftar pemilih;
- (c) tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman kepada koperasi bagi **enam (6) bulan** berturut-turut dan tunggakan ini bukan disebabkan oleh majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau koperasi itu;
- (d) keanggotaanya telah digantung di bawah undang-undang kecil koperasi;
- (e) telah memberi notis menarik diri dari menjadi anggota di bawah undang-undang kecil koperasi; atau
- (f) hilang kelayakan sebagai anggota di bawah undang-undang kecil koperasi.

### **Syarat Dan Kelayakan Calon**

10. Seseorang calon tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Lembaga koperasi sekiranya –

- (a) disabitkan atas satu kesalahan di bawah Akta atau kesalahan boleh daftar;
- (b) dipecat atas suatu perintah Suruhanjaya sebagai pegawai sesuatu koperasi;

- (c) ada percanggahan kepentingan dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh koperasi itu; atau
- (d) belum genap tempoh **dua (2) tahun** menjadi anggota koperasi itu.

### **Notis Penamaan Calon**

11. Notis Penamaan Calon secara bertulis, atau dengan apa-apa cara lain, hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari** sebelum tarikh penamaan calon dibuka. Notis tersebut hendaklah menyatakan –

- (a) bilangan kekosongan Lembaga;
- (b) masa dan tarikh penamaan calon dibuka;
- (c) masa dan tarikh penamaan calon ditutup;
- (d) cara mana Borang Penamaan Calon boleh diperolehi; dan
- (e) tarikh mesyuarat agung tahunan.

12. Bagi koperasi yang ditentukan di bawah subseksyen 43(2) Akta, notis bagi penamaan calon hendaklah tidak lewat **empat (4) bulan** sebelum mesyuarat agung.

13. Borang Penamaan Calon hendaklah diterima dalam tempoh yang ditentukan oleh koperasi.

## **Borang Penamaan Calon**

14. Pencalonan hendaklah dibuat dalam Borang Penamaan Calon rasmi yang ditetapkan oleh koperasi.

15. Jawatankuasa hendaklah menolak Borang Penamaan Calon yang diterima setelah tamat tempoh penamaan calon.